

14 MAR 2002

Rais-Time

## PEMANTAUAN TERHADAP MAJALAH ASING DITERUSKAN

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan terus memantau penerbitan majalah asing dan tidak teragak-agak mengambil tindakan sekiranya terus menyiarkan laporan tidak tepat dan menyeleweng dari fakta berkenaan Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata permohonan maaf daripada majalah Time berhubung laporannya terhadap Malaysia tidak bermakna kerajaan tidak akan mengambil tindakan sekiranya laporan yang melanggar Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984 diterbitkan.

"Apa-apa yang harus dilakukan oleh Menteri Dalam Negeri akan diteruskan sekiranya ada pihak mencabul undang-undang negara dan mengaibkan negara ini menerusi penulisan yang tidak tepat atau sengaja menyelewengkan fakta," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen di sini hari ini.

Katanya, kerajaan bagaimanapun menerima permohonan maaf daripada majalah Time serta tidak lagi akan meneruskan tindakan undang-undang seperti yang dicadangkan sebelum ini.

Dengan permohonan maaf daripada majalah itu, dunia mengetahui bahawa Malaysia berada pada pihak yang benar, katanya.

"Kerajaan tidaklah lagi berhasrat untuk meneruskan tindakan undang-undang kerana apa yang dihajati sebelum ini telahpun tercapai, dengan lain perkataan pendirian Time itu diketahui dunia dan dunia mengetahui Malaysia adalah benar," katanya.

Permohonan maaf itu diterima secara bertulis menerusi surat yang dikeluarkan Ibu Pejabat Time di Lancaster, London yang ditandatangani penerbit antarabangsanya, Andrew Butcher yang menyatakan kekesalan teramat sangat terhadap penyiaran berita itu.

Time dalam keluaran 11 Feb lepas memaparkan gambar Jalur Gemilang tetapi pada masa sama, menggantikan imej bintang dengan wajah Osama bin Laden serta meletakkan senapang automatik bersilang di depan bendera itu dengan cuba menggambarkan Malaysia sebagai negara pengganas.

Berikutan itu banyak pihak menyuarakan rasa tidak puas hati sehingga timbul desakan supaya kerajaan menamatkan segera pembelian ruang iklan pelancongan mengenai negara dalam majalah Time yang terus memburukkan imej Malaysia.

Sebelum ini Rais pernah mengarahkan Jabatan Peguam Negara mengambil tindakan undang-undang sekiranya majalah itu enggan mengubah pendirian dan memohon maaf kepada Malaysia.

Rais berkata, Jabatan Peguam Negara telah bersedia mengambil tindakan undang-undang terhadap majalah Time tetapi berikutan permohonan maaf itu, cadangan tindakan berkenaan tidak lagi diteruskan.

Ketika ditanya sama ada permohonan maaf itu mencukupi berbanding dengan imej negara yang disebar ke seluruh dunia menerusi laporan itu, Rais berkata: "Kerajaan berpendapat ia mencukupi kerana secara bertulis memohon maaf itu, bukan hanya setakat perbualan telefon atau wawancara yang tidak dirakamkan."

Selain itu majalah Time juga, katanya, bersedia bekerjasama dengan Malaysia dan memberi peluang kepada pemimpin negara menulis rencana untuk dimuatkan dalam majalah itu.

"Ini menunjukkan perubahan sikap daripada mereka... dengan perubahan sikap dan pendirian ini, kita harus terimanya dengan hati terbuka," katanya.

Beliau berkata, dengan menerima permohonan maaf itu, Malaysia yang

mempunyai banyak hubungan antarabangsa dengan negara lain dapat membuktikan bahawa negara ini dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai sikap berbaik-baik dengan semua pihak.

-- BERNAMA

RZS RZS NMO